03 Jan 2019
Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Author: No author available • Section: Ekonomi • Page: A7 • Printed size: 86.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 321.00
Item ID: MY0034740595

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Persatuan Insurans Hayat Malaysia
Life Insurance Association of Malaysia



# Liam lantik Mark O'Dell sebagai CEO pertama

**KUALA LUMPUR:** Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) melantik Mark O'Dell sebagai ketua pegawai eksekutifnya (CEO) yang pertama, berkuat kuasa semalam.

O'Dell yang merupakan penduduk tetap Malaysia, mempunyai pengalaman lebih 38 tahun dalam perniagaan insurans hayat, baru-baru ini bersara sebagai CEO Manulife Insurance Bhd pada 30 Okt, 2018, selepas memegang jawatan itu selama lima tahun.

Dalam kenyataan semalam, Presiden LIAM Anusha Thavarajah berkata pelantikan O'Dell bertujuan untuk meningkatkan lagi komitmen persatuan itu dalam mengambil tanggungjawab dan cabaran baharu dalam mentransformasi industri insurans hayat ke tahap lebih tinggi.

"Dengan mempunyai CEO sepenuh masa yang membawa bersama-samanya pengalaman luas dan kepakaran dalam industri itu, LIAM akan berada di landasan lebih baik untuk memacu aspirasi negara bagi meningkatkan kadar penerokaan insurans hayat, mengurangkan jurang perlindungan dan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan. — Bernama



03 Jan 2019
Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Author: No author available • Section: Ekonomi • Page: A7 • Printed size: 86.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 321.00
Item ID: MY0034740595

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



## SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) melantik Mark O'Dell sebagai ketua pegawai eksekutifnya (CEO) yang pertama, berkuat kuasa semalam. O'Dell yang merupakan penduduk tetap Malaysia, mempunyai pengalaman lebih 38 tahun dalam perniagaan insurans hayat, barubaru ini bersara sebagai CEO Manulife Insurance Bhd pada 30 Okt, 2018, selepas memegang jawatan itu selama lima tahun.